

**D.R. 22/2018**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*b e r n a m a*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

- 1.** (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2018.
  - (2) Seksyen 3, 4, dan 5 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.
  - (3) Seksyen 2, 6, 7, 8, 9 dan 10 mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

**Pindaan seksyen 75B**

- 2.** Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subperenggan 75B(1)(a)(i) dengan memasukkan selepas perkataan “partnership” perkataan “or persons qualified to act as secretaries under the Companies Act 2016 who is a citizen or permanent resident of Malaysia and ordinarily resides in Malaysia;”.

**Pindaan seksyen 77A**

**3.** Seksyen 77A Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (4) dengan subseksyen yang berikut:

“(4) The return furnished by a company under this section shall be based on financial statements made in accordance with the requirements of the Companies Act 2016.”.

**Pindaan seksyen 82**

**4.** Subseksyen 82(5) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “accounts audited by a professional accountant, together with a report made by that accountant which shall contain, in so far as they are relevant, the matters set out in subsections 174(1) and (2) of the Companies Act 1965” dengan perkataan “financial statements made in accordance with the requirements of the Companies Act 2016.”.

**Pindaan seksyen 99**

**5.** Seksyen 99 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “A person” dengan perkataan “Subject to subsection (1A), a person”; dan
- (b) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) A person who has failed to furnish a return for a basis period for a year of assessment in accordance with subsection 77A(1) may appeal against the assessment made by the Director General under subsection 90(3) by furnishing a return for that basis period for that year of assessment together with the written notice of appeal referred to in subsection (1) within the time stipulated for giving of the notice.”.

### **Pindaan seksyen 117**

**6.** Seksyen 117 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Any person who receives any classified material, knowing or having reasonable ground to believe at the time when he receives it that such classified material is communicated or disclosed to him in contravention of this Act, shall not use the classified material, or produce or disclose the classified material to any other person.

(1B) Any person who contravenes subsection (1A), shall be guilty of an offence and shall, on conviction, be liable to a fine not exceeding four thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or to both.”.

### **Pindaan seksyen 132**

**7.** Seksyen 132 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) For the purposes of this section, arrangements made with a view to affording relief from double taxation include any arrangements which modify the effect of arrangements so made.”.

### **Pindaan seksyen 132B**

**8.** Seksyen 132B Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Where any arrangements have effect by virtue of this section, section 138 shall not prevent the disclosure to a duly authorized servant or agent of the government with which the arrangements have been made of such information as is required to be disclosed under the arrangements.”.

**Seksyen baharu 132C**

**9.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 132B seksyen yang berikut:

**“International obligations**

**132C.** (1) Notwithstanding section 132, 132A or 132B, if the Minister by statutory order declares that—

- (a) arrangements specified in the order have been made by the Government to give effect to Malaysia’s international obligations in relation to tax under this Act or other taxes of every kind under any written law; and
- (b) it is expedient that those arrangements should have effect,

then, so long as the order remains in force, notwithstanding anything in any written law, those arrangements shall have effect in relation to tax under this Act or other taxes of every kind under written law.

(2) Where any arrangements have effect by virtue of this section, section 138 shall not prevent the disclosure to a duly authorized servant or agent of the government with which the arrangements have been made of such information as is required to be disclosed under the arrangements.

(3) Any order made under this section shall be laid before the Dewan Rakyat.”.

**Pindaan seksyen 154**

**10.** Perenggan 154(1)(c) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “or 132B” dengan perkataan “, 132B or 132C;”.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 75B Akta 53 untuk meluaskan pemakaian seksyen 75B dengan membolehkan setiausaha syarikat yang merupakan warganegara atau pemastautin tetap di Malaysia dan kebiasaannya menetap di Malaysia dipertanggungkan dengan tanggungjawab ke atas semua tindakan dan perkara yang dikehendaki dilakukan di bawah Akta bagi pihak perkongsian liabiliti terhad.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda subseksyen 77A(4) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa setiap syarikat, perkongsian liabiliti terhad, badan amanah atau koperasi dikehendaki untuk mengemukakan penyatanya kepada Ketua Pengarah berdasarkan pernyata kewangan yang dibuat mengikut Akta Syarikat 2016 [Akta 777].

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda subseksyen 82(5) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah diberi kuasa untuk mengeluarkan suatu notis menghendaki seseorang untuk mengemukakan pernyata kewangan yang dibuat mengikut Akta Syarikat 2016.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 99 Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk merayu terhadap taksiran yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 90(3) Akta 53 dikehendaki untuk mengemukakan suatu notis rayuan sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta bersama-sama dengan pernyata yang dikehendaki untuk dikemukakan di bawah seksyen 77A Akta 53.

Pindaan ini berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

7. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 117 Akta 53 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menggunakan, mengemukakan atau menzahirkan apa-apa bahan terkelas yang disampaikan atau dizahirkan kepadanya yang berlanggaran dengan Akta 53.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

## *Rang Undang-Undang*

8. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 132 Akta 53 untuk memasukkan Konvensyen Multilateral untuk Pelaksanaan Langkah-Langkah berkaitan Triti Cukai untuk Mencegah Penghakisan Asas dan Pemindahan Keuntungan atau apa-apa perkiraan lain yang mengubah suai apa-apa perkiraan semasa yang dibuat antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

9. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 132B Akta 53 untuk menjelaskan bahawa apa-apa perkiraan antara Kerajaan Malaysia dengan kerajaan mana-mana wilayah di luar Malaysia berkenaan dengan bantuan pentadbiran bersama tidak menghalang penzahiran maklumat terkelas di bawah seksyen 138 Akta 53 kepada pekhidmat yang diberi kuasa yang sewajarnya atau agen kerajaan yang dengannya perkiraan itu dibuat.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

10. *Fasal 9* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 132c ke dalam Akta 53 untuk memperuntukkan suatu kaedah baharu bagi apa-apa perkiraan dua hala atau pelbagai hala yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia bagi memberi kesan kepada obligasi-obligasi antarabangsa Malaysia berhubung dengan cukai di bawah Akta atau apa-apa undang-undang bertulis yang lain.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

11. *Fasal 10* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk membuat kaedah-kaedah bagi maksud melaksanakan atau memudah cara pengendalian perkiraan di bawah seksyen baharu 132c.

Pindaan ini mula berkuat kuasa apabila berkuatkuasanya Akta ini.

### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3138]